

**Maqasid Syariah Menjamin Kemaslahatan Ummah  
30 Syawal 1442H/11 Jun 2021M**

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ وَأَشْهَدُ  
أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Maqasid syariah adalah bertujuan menjamin kesejahteraan Ummah. Prinsip utamanya adalah memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Setiap hukum-hakam yang ditetapkan oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala bertujuan untuk kebaikan manusia sama

ada hukum wajib, sunat, haram, makruh dan harus. Contohnya, arak itu haram kerana keburukan lebih banyak daripada kebaikan sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 219:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ <sup>ط</sup> قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعُ  
لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا <sup>ط</sup>

Yang bermaksud: “Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) perihal arak dan judi. Katakanlah, pada kedua-duanya ada dosa besar dan manfaat bagi manusia, tetapi dosa kedua-duanya lebih besar daripada manfaatnya.”

Arak adalah memabukkan dan merosakkan akal, oleh itu ia diharamkan bertujuan memelihara akal. Inilah yang dimaksudkan dengan maqasid syariah.

Begitu juga hukum hakam yang lain semuanya mempunyai maqasid Syariah tujuannya menjelaskan sesuatu hukum untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Ketika ini kita masih menghadapi wabak covid-19 yang mengancam nyawa manusia. Kewajipan mematuhi SOP yang

telah ditetapkan adalah termasuk dalam pengertian maqasid Syariah.

Semua pihak yang terlibat dalam usaha mengawal virus ini serta merawat pesakit covid-19 telah melaksanakan tuntutan agama yang besar iaitu memelihara nyawa manusia.

Oleh itu, haram seseorang itu sengaja membiarkan dirinya dan orang ramai terdedah kepada bahaya seperti menolak untuk tidak mengambil vaksin atau tidak mematuhi SOP yang ditetapkan.



Yang bermaksud: *“Dan belanjalah apa yang ada pada kamu kerana menegakkan agama Allah, Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan baikilah dengan sebaik-baiknya segala usaha dan perbuatan kamu kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

